

# KECUAIAAN MENGGUGAT KESELAMATAN PC

## 10 PANDUAN MENANGANI ANCAMAN

- **Gunakan perisian antivirus dan pastikan selalu dikemaskini.. Dianggarkan terdapat puluhan ribu virus dan trojan dalam internet yang dilepaskan setiap hari.. Anda juga boleh mencuba program alternative seperti Karpersky Labs dan F-secure untuk mengesan virus terkini..**
- **Kebanyakan virus menular dengan mengambil alamat-alamat e-mel dari buku alamat dan menghantarnya kepada sesiapa sahaja di dalamnya.. Sebelum anda mengklik kanan dan memilih Save As untuk menyimpannya dalam PC, anda disaran mengimbas sisipan itu mengesan virus..**
- **Jangan memuat turun program merbahaya.. Berwaspada dengan tapak web yang meminta anda memuat turun program kononnya untuk memaparkan laman tertentu, kecuali sesuatu yang biasa seperti plug-in flash atau Acrobat Reader. Ia barangkali mengandungi virus, trojan, atau pendail automatic yang mendail nombor tertentu yang kemudiannya mengenakan caj panggilan yang tinggi menerusi modem. Jangan sesekali membuat turun melalui emel atau membuka sisipan yang kononnya sebagai penampal keselamatan (security patch) atau sesuatu yang seumpamanya..**





- **Pastikan spyware disingkirkan dan popup disekat. Cuba hindari daripada memasang sebarang spyware. Ada banyak tapak web dan tettingkap popup yang memasang spyware secara senyap atau tanpa izin anda. Lazimnya, perisian anti spyware yang efektif mampu menyekat kebanyakan spyware dikenali daripada dipasang. Jika spyware sudah mengjangkiti PC, gunakan perisian anti-spyware seperti spyBot Search & Destroy..**
- **Spam atau e-mel sampah yang tidak diundang bukan sahaja mengganggu, bahkan turut berupaya menyebabkan jangkitan virus. Ada banyak program anti-spam yang ada dan kebanyakannya amat efisien. Jadi anda disarankan mencari yang paling berkesan dan sesuai.. Caranya anda boleh menggunakan khidmat enjin carian untuk menjejaki rumusan yang terbaik dalam internet..**
- **Cecacing atau virus yang disebar melalui e-mel boleh mengeksploitasi lompang keselamatan dalam perisian seperti Windows dan program Microsoft yang lain.. Tetapi ribuan komputer di serata dunia masih dijangkiti kerana penampal yang sudah tersedia tidak dipasang.. Jadi jalankan program Windows Updatesekali seminggu dan apabila Microsoft memberikan peringatan..**

- **Semak maklumat atau peringatan mengenai penampal untuk memastikan benar. Khabar angin boleh merebak dengan pantas. Ini turut melibatkan gurauan (hoaxes) penggadam dalam internet atau amaran palsu melalui e-mel. Tidak dinafikan, aktiviti penyebaran bahan janaka atau peringatan palsu berkaitan virus ini mampu menjejaskan pelayan e-mel. Jadi apabila menerima e-mel seperti itu seelok-eloknya periksa dahulu. Caranya taipkan nama virus yang didakwa ke dalam enjin carian bagi melihat samada vendor antivirus mengeluarkan peringatan atau lawati laman gurauan virus untuk mendapatkan maklumat..**
- **Gunakan firewall yang efektif bagi melindungi PC. Ia menyemak setiap cubaan masuk /keluar tanpa kebenaran anda. Tanpa firewall, penggadam mampu mengakses maklumat peribadi pengguna pada pemacu keras manakala trojan yang mampu merakam ketikan kekunci tidak boleh mencurikata laluan anda dan mengutip data anda menerusi internet. Sygate Personal Firewall dan Kerio Personal Firewall contohnya menawarkan versi percuma produk mereka dan memadai untuk melindungi PC. Anda juga boleh menggunakan perisian seperti Zone Alarm atau firewall Windows 8..**
- **Simpan fail penting di lokasi selamat. Jika PC anda menjadi mangsa serangan virus, diceroboh dan mengalami sedikit kerosakan, data anda masih terselamat. Ada banyak program simpanan yang boleh digunakan dan setengahnya boleh diperolehi secara percuma seperti perisian Cobian Backup. Anda juga boleh menggunakan mana-mana perisian komersial yang lain di pasaran untuk membuat data, contohnya Norton Ghost dari Symantec..**

SUMBER: MAJALAH PC

BIL: 72 – 73 PADA TAHUN 2006

SUNTING: WAN SITI AISHAH BINTI WAN ABD AZIZ  
BAHAGIAN TEKNIKAL, PTM